



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**KELAB, PERSATUAN ATAU  
INSTITUSI SERUPA**

**KETETAPAN UMUM NO. 1/2015**

**TARIKH PENERBITAN: 12 JANUARI 2015**



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**KELAB, PERSATUAN  
ATAU INSTITUSI SERUPA**

**Ketetapan Umum No. 1/2015  
Tarikh Penerbitan: 12 Januari 2015**

---

Diterbitkan oleh  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi pertama pada 25 Jun 2012

Edisi Kedua pada 12 Januari 2015

© 2015 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara. Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, penerbitan ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.

| <b>KANDUNGAN</b>   | <b>Muka surat</b> |
|--|-------------------|
| 1. Objektif  | 1                 |
| 2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan  | 1                 |
| 3. Tafsiran  | 1                 |
| 4. Pengenalan  | 1                 |
| 5. Pemilikan Dan Keahlian  | 2                 |
| 6. Asas Taksiran   | 2                 |
| 7. Taraf Mastautin   | 3                 |
| 8. Taksiran Cukai Bagi Kelab, Persatuan Atau Institusi Serupa  | 3                 |
| 9. Layanan Cukai   | 3                 |
| 10. Kadar Cukai  | 22                |
| 11. Penyimpanan Rekod  | 22                |
| 12. Pengemukaan Borang Nyata Cukai Pendapatan  | 22                |
| 13. Persamaan Dan Perbezaan Di Antara Kelab, Persatuan Atau Institusi Serupa Dan Persatuan Perdagangan | 22                |
| 14. Kemaskinian Dan Pindaan  | 24                |

#### **KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH**

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian dari Ketetapan Umum ini melalui notis atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

## 1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menerangkan percukaian bagi kelab, persatuan atau institusi serupa yang ditubuhkan dan dikawal oleh ahlinya.

## 2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 2, 8, 20, 21, 53A dan Bahagian 1 Jadual 1.
- 2.3 Perundangan subsidiari berkaitan yang dirujuk dalam KU ini adalah P.U.(A) 190/2005 dan P.U.(A) 360/2011.

## 3. Tafsiran

Perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 "Ahli" berhubungan dengan suatu kumpulan orang bermaksud orang yang berhak mengundi dalam mesyuarat am kumpulan itu di mana kawalan yang berkesan dilaksanakan atas urusannya.
- 3.2 "Kumpulan orang" bermaksud suatu kumpulan orang yang tidak diperbadankan (yang bukan sesuatu syarikat) termasuk keluarga sekutu Hindu tetapi tidak termasuk perkongsian.

## 4. Pengenalan

- 4.1 Kelab, persatuan atau institusi serupa ditubuhkan bukan untuk tujuan perdagangan tetapi untuk tujuan sosial, rekreasi, sukan, seni, sains, sastera atau aktiviti riadah yang lain untuk kepentingan dan manfaat ahlinya. Contoh kelab, persatuan atau institusi serupa sedemikian adalah kelab olahraga, kelab pengumpul kereta antik dan persatuan sejarah. Walau bagaimanapun, sebahagian daripada aktiviti kelab, persatuan atau institusi serupa merupakan usaha perdagangan yang dijalankan untuk memperoleh keuntungan yang boleh dikenakan cukai sebagai keuntungan perniagaan. Contoh kelab, persatuan atau institusi serupa sedemikian adalah pusat kecergasan atau kelab bola sepak profesional.
- 4.2 Kelab, persatuan atau institusi serupa juga termasuk Badan Pengurusan Bersama, Perbadanan Pengurusan dan Persatuan Penduduk yang pada dasarnya merupakan persatuan komuniti yang terdiri daripada pemilik harta. Pembangunan dan pertumbuhan harta hak milik strata telah menimbulkan cabaran dalam bidang pengurusan bangunan yang dipecah bahagi seperti kondominium, pangsapuri, rumah bandar, flat dan sebagainya. Badan Pengurusan Bersama dan Perbadanan Pengurusan ditubuhkan melalui

undang-undang di bawah Akta Hak Milik Strata 1985 dan Akta Pengurusan Strata 2013 untuk penyelenggaraan dan pengurusan bangunan dan harta bersama. Sebaliknya, persatuan penduduk adalah organisasi sukarela yang berdaftar sebagai persatuan.

Untuk keterangan lanjut, garis panduan bertajuk “Layanan cukai ke atas caj penyelenggaraan dan pengurusan harta bersama yang diterima oleh pemaju, Badan Pengurusan Bersama dan Perbadanan Pengurusan” bertarikh 21.5.2012 boleh dimuat turun daripada laman sesawang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia di <http://www.hasil.gov.my>.

## 5. **Pemilikan Dan Keahlian**

Untuk membezakan sama ada sesuatu kumpulan orang menjalankan kelab, persatuan atau institusi serupa menjalankan perusahaan perniagaan / perdagangan atau dijalankan untuk kepentingan ahlinya, urusan pemilik dan keahlian kumpulan orang itu mestilah diperiksa seperti berikut:

- (a) jika pemilik kumpulan orang itu berbeza daripada keahliannya, kelab tersebut mungkin adalah perusahaan perniagaan. Sebaliknya, jika sebuah kelab, persatuan atau institusi serupa ditubuhkan dan dimiliki oleh ahlinya untuk tujuan manfaat ahli sendiri, ini bermakna semua aset adalah milik keahlian yang mengawal kelab dan urusannya. Pengawalan seperti itu boleh dilakukan melalui jawatankuasa yang dilantik; dan
- (b) transaksi bersama dengan ahli tidak dianggap sebagai urusan perdagangan. Sebarang lebihan penerimaan atas perbelanjaan berkaitan dengan pendapatan daripada transaksi dengan ahli hendaklah digunakan untuk manfaat semua ahli kelab, persatuan atau institusi serupa (misalnya untuk membeli peralatan baru atau membuat bayaran untuk acara sosial yang hanya terbuka kepada keahlian). Walau bagaimanapun, apabila kelab, persatuan atau institusi serupa menyediakan kemudahannya (misalnya restoran atau lapangan golf) untuk bukan ahli secara komersial, ia dianggap menjalankan perdagangan dan pendapatan daripada perdagangan dengan bukan ahli adalah dikenakan cukai.

## 6. **Asas Taksiran**

- 6.1 Tahun asas untuk suatu tahun taksiran adalah tahun kalender yang bersamaan dengan tahun taksiran itu. Tahun asas untuk suatu tahun taksiran berhubung dengan kelab, persatuan atau institusi serupa adalah tempoh asas bagi tahun taksiran itu. Contohnya, pendapatan sebuah kelab, persatuan atau institusi serupa bagi tahun kalendar 2014 dikenakan cukai sebagai pendapatan bagi tahun taksiran 2014.
- 6.2 Untuk tujuan pengemukaan borang nyata cukai pendapatan bagi suatu tahun taksiran, jika tempoh perakaunan kewangan suatu kelab, persatuan atau

institusi serupa berakhir pada tarikh selain daripada 31 Disember, pelarasan yang sewajarnya perlu dibuat untuk memastikan pengiraan cukai adalah bagi tempoh asas dari bulan Januari hingga Disember iaitu dalam suatu tahun kalendar.

## 7. Taraf Mastautin

- 7.1 Taraf mastautin sebuah kelab, persatuan atau institusi serupa ditentukan mengikut perenggan 8(1)(b) dan 8(1)(c) ACP.
- 7.2 Sebuah kelab, persatuan atau institusi serupa yang menjalankan perdagangan atau perniagaan adalah bermastautin di Malaysia untuk tahun asas suatu tahun taksiran jika pada bila-bila masa semasa tahun asas itu pengurusan dan pengawalan perniagaannya atau mana-mana perniagaannya dijalankan di Malaysia [Perenggan 8(1)(b) ACP].
- 7.3 Kelab, persatuan atau institusi serupa lain yang tidak menjalankan perdagangan atau perniagaan adalah bermastautin di Malaysia untuk tahun asas bagi suatu tahun taksiran jika pada bila-bila masa semasa tahun asas itu pengurusan dan kawalan hal ehwalnya adalah dijalankan di Malaysia oleh pengarah-pengarahnya atau pihak berkuasa lain yang mengawalinya misalnya, lembaga pengurusan [perenggan 8(1)(c) ACP].

## 8. Taksiran Cukai Bagi Kelab, Persatuan Atau Institusi Serupa

- 8.1 Sebelum tahun taksiran 2009, tiada peruntukan khusus berhubung layanan cukai bagi kelab, persatuan atau institusi serupa. Kelab, persatuan atau institusi serupa telah dikenakan cukai berdasarkan prinsip percukaian berikut:
  - (a) yuran ahli dan pendapatan daripada transaksi dengan ahli tidak dikenakan cukai berdasarkan prinsip saling bersama; dan
  - (b) pendapatan yang diperolehi daripada transaksi dengan bukan ahli tertakluk kepada cukai.
- 8.2 Mulai tahun taksiran 2009, seksyen 53A ACP telah diperkenalkan untuk meningkatkan ketelusan dalam layanan cukai terhadap kelab, persatuan atau institusi serupa. Peruntukan ini terpakai kepada kelab, persatuan atau institusi serupa yang ditubuhkan dan dikawal oleh ahlinya dan dijalankan bukan untuk tujuan mencari keuntungan.

## 9. Layanan Cukai

- 9.1 Pendapatan daripada transaksi dengan ahli:
  - (a) kelab, persatuan atau institusi serupa dijalankan sama ada untuk manfaat ahli sendiri atau untuk kepentingan umum. Jika kelab, persatuan atau institusi serupa adalah bertujuan untuk memberi manfaat kepada ahli

sahaja, sebarang pendapatan yang terbit daripada urusan bersama dengan ahli tidak dikenakan cukai. Contoh penerimaan bersama daripada ahli kelab, persatuan atau institusi serupa termasuk:

- (i) fi kemasukan dan yuran langganan ahli;
- (ii) minuman dan makanan yang dijual di kelab, persatuan atau institusi serupa atau restoran kepada ahli kelab;
- (iii) bayaran yang dibuat oleh ahli untuk menghadiri majlis makan malam atau majlis sosial yang dianjurkan oleh kelab, persatuan atau institusi serupa; dan
- (iv) bayaran yang dibuat oleh ahli untuk menghadiri taklimat, persembahan atau bengkel yang dianjurkan oleh kelab, persatuan atau institusi serupa.

Pendapatan yang diterima daripada transaksi dengan ahli dan apa-apa perbelanjaan atau elaun modal yang berkaitan dengan pendapatan tersebut hendaklah diabaikan untuk tujuan ACP mengikut subseksyen 53A(2) ACP; dan

- (b) walaupun pendapatan daripada transaksi dengan ahli tidak dikenakan cukai, bukan semua transaksi yang melibatkan ahli adalah penerimaan bersama.

### **Contoh 1**

Sebuah kelab rekreasi di Malaysia di mana ahli-ahlinya terdiri daripada ejen cukai telah mengikat perjanjian dengan pengendali gimnasium untuk beroperasi di premis kelab itu. Kelab menerima sewa daripada pengendali gimnasium tersebut. Pengendali gimnasium mengenakan yuran kepada pengunjung untuk penggunaan kemudahan di gimnasium.

Pendapatan yang diterima oleh kelab daripada penyewaan gimnasium adalah dikenakan cukai walaupun pelanggan gimnasium terdiri daripada ahli kelab.

### **Contoh 2**

Sebuah persatuan yang mempunyai ahli yang terdiri daripada pedagang asing dan isteri mereka telah menyewakan sebahagian premise kepada salah seorang ahli untuk menjalankan aktiviti perniagaan kafe untuk mencari keuntungan. Pendapatan sewa bulanan berjumlah RM1,000 diterima oleh persatuan dan ahli yang menjalankan perniagaan kafe menerima pendapatan daripada perniagaan tersebut.

Pendapatan sewa yang diterima oleh persatuan daripada ahlinya yang menjalankan aktiviti perniagaan kafe tidak dianggap sebagai penerimaan bersama memandangkan ahli tersebut menjalankan aktiviti perniagaan

dalam premis persatuan. Persatuan akan dikenakan cukai ke atas pendapatan sewa yang diperolehi daripada penyewaan sebahagian premis dan ahli tersebut juga akan dikenakan cukai ke atas pendapatan yang diperolehi daripada menjalankan aktiviti perniagaan kafe.

9.2 Pendapatan daripada transaksi dengan bukan ahli:

- (a) walaupun kelab, persatuan atau institusi serupa pada amnya ditubuhkan bukan dengan tujuan untuk mendapatkan keuntungan, ia mungkin menerima pendapatan daripada aktiviti atau transaksi dengan bukan ahli di mana pendapatan boleh dikenakan cukai. Contoh penerimaan tersebut termasuk:
- (i) hasil kutipan daripada kempen kutipan wang daripada orang awam, misalnya jualan kuih, biskut atau kraf tangan buatan sendiri;
  - (ii) minuman yang dijual kepada bukan ahli yang melawat kelab;
  - (iii) bayaran yang diterima untuk sewaan dewan, kemudahan atau peralatan kelab kepada orang awam;
  - (iv) bayaran yang dibuat oleh bukan ahli untuk menghadiri majlis makan malam atau sosial yang dianjurkan oleh kelab;
  - (v) bayaran yang dibayar oleh bukan ahli untuk menghadiri taklimat, persembahan atau bengkel yang dianjurkan oleh kelab;
  - (vi) penerimaan daripada bukan ahli hasil daripada rafel atau cabutan bertuah; dan
  - (vii) jualan cenderamata kepada bukan ahli.
- (b) pasangan suami / isteri, ibu bapa dan anak kepada ahli kelab, persatuan atau institusi serupa dianggap sebagai bukan ahli. Oleh itu, pendapatan yang diperolehi daripada transaksi dengan suami/isteri, ibubapa dan anak ahli adalah dikenakan cukai.

**Contoh 3**

Sebuah persatuan pesara angkatan tentera telah membina 100 unit rumah teres berkembar dan 10 unit rumah kedai. Persatuan menawarkan penjualan rumah teres tersebut kepada ahli dan keluarga terdekat ahli sahaja manakala penjualan rumah kedai terbuka kepada orang awam. Keluarga terdekat yang terdiri daripada pasangan ahli, ibu bapa, adik beradik dan anak telah ditawarkan harga pembelian yang sama seperti yang telah ditawarkan kepada ahli persatuan.

Keuntungan daripada jualan rumah kepada keluarga terdekat ahli dikenakan cukai sebab keuntungan tersebut adalah daripada transaksi dengan bukan ahli. Ahli keluarga terdekat kepada ahli persatuan tidak dianggap sebagai ahli persatuan.



9.3 Pendapatan daripada pelaburan dan punca luar:

- (a) pendapatan daripada pelaburan kelab, persatuan atau institusi serupa seperti faedah, sewa dan dividen yang bukan merupakan penerimaan bersama adalah dikenakan cukai;
- (b) terdapat kelab, persatuan atau institusi serupa yang mengikat perjanjian dengan pihak luar di mana pihak luar menjalankan perniagaan atau menyediakan sesuatu di premis kelab, persatuan atau institusi serupa. Perjanjian dengan pihak luar ini boleh termasuk pemasangan mesin menjual minuman, katering, restoran, bar, gimnasium dan hiburan; dan
- (c) jika kelab, persatuan atau institusi serupa telah mengikat perjanjian dengan pihak luar, pendapatan yang diperoleh oleh pihak luar daripada pengunjung kemudahan tersebut di atas adalah mengikut peraturan kontrak. Amaun yang dibayar kepada kelab, persatuan atau institusi serupa oleh pihak luar kerana beroperasi di premis mereka adalah pendapatan yang diperoleh oleh kelab, persatuan atau institusi serupa daripada punca luar dan bukan daripada ahli/bukan ahli. Oleh itu, cukai dikenakan sepenuhnya ke atas pendapatan yang diterima oleh kelab, persatuan atau institusi serupa.

**Contoh 4**

Sebuah kelab golf telah membuat perjanjian dengan pihak luar untuk:

- (i) menjalankan restoran;
- (ii) menjalankan gimnasium; dan
- (iii) memasang mesin menjual minuman di premis kelab.

Pendapatan yang diterima oleh kelab daripada perusahaan restoran dan gimnasium serta penjualan minuman adalah daripada punca luar dan dikenakan cukai;

- (d) kelab, persatuan atau institusi serupa yang tidak diluluskan sebagai institusi amal/khairat di bawah subseksyen 44(6) ACP mungkin menerima hadiah wang daripada orang awam yang digunakan semata-mata untuk tujuan amal/khairat. Kelab, persatuan atau institusi serupa yang tidak diluluskan di bawah subseksyen 44(6) ACP bermaksud kelab, persatuan atau institusi serupa tidak dibenarkan pengecualian cukai ke atas pendapatan di bawah perenggan 13, Jadual 6 ACP. Hadiah wang yang digunakan untuk tujuan amal / khairat dikenakan cukai tetapi jumlah yang digunakan secara spesifik untuk mana-mana amal / khairat dibenarkan sebagai potongan (sama seperti transaksi dengan bukan ahli). Baki jumlah hadiah wang yang tidak digunakan dikenakan cukai sebagai penerimaan kelab, persatuan atau institusi serupa; dan

- (e) kelab, persatuan atau institusi serupa yang layak sebagai institusi di bawah subseksyen 44(7) ACP dan diluluskan untuk tujuan subseksyen 44(6) ACP dibenarkan pengecualian cukai ke atas pendapatan secara automatik (termasuk hadiah wang) di bawah perenggan 13, Jadual 6 ACP.

Walau bagaimanapun, jika didapati objektif kelab, persatuan atau institusi serupa yang diluluskan untuk tujuan subseksyen 44(6) ACP tidak dipatuhi, taraf kelulusan kelab, persatuan atau institusi serupa akan ditarik balik oleh LHDNM dan implikasi cukai adalah seperti berikut:

- (i) hadiah wang yang diterima oleh kelab, persatuan atau institusi serupa akan dikenakan cukai; dan
- (ii) satu amaun yang sama dengan hadiah wang kepada kelab, persatuan atau institusi serupa tidak akan dibenarkan sebagai potongan daripada pendapatan agregat seseorang (pemberi) yang memberi hadiah wang.

Maklumat lanjut berkenaan institusi amal / khairat yang diluluskan boleh dirujuk dalam "Garis Panduan Bagi Permohonan Untuk Kelulusan Di Bawah subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967" yang boleh diperoleh daripada laman sesawang LHDNM.

9.4 Perbelanjaan dilakukan dan perbelanjaan modal yang layak untuk tuntutan elaun modal:

- (a) belanja pasti atau perbelanjaan yang dilakukan dan perbelanjaan modal yang layak untuk tuntutan elaun modal berkaitan transaksi dengan bukan ahli:

Terdapat belanja pasti atau perbelanjaan yang mungkin dilakukan sepenuhnya dalam memperoleh pendapatan kelab, persatuan atau institusi serupa daripada bukan ahli yang boleh dikenakan cukai. Perbelanjaan tersebut boleh dibenarkan sebagai potongan dalam menentukan pendapatan larasan kelab, persatuan atau institusi serupa daripada transaksi dengan bukan ahli. Potongan yang dibenarkan boleh termasuk belanja pasti atau perbelanjaan yang dilakukan untuk memperolehi dividen atau faedah bank, perbelanjaan yang dilakukan bagi mengadakan majlis untuk bukan ahli sahaja dan perbelanjaan yang dilakukan dalam penganjuran kutipan dana daripada orang awam.

Perbelanjaan modal yang dilakukan atas aset yang digunakan dalam transaksi perniagaan dengan bukan ahli untuk memperoleh pendapatan daripada bukan ahli sahaja layak untuk elaun modal;

- (b) belanja pasti atau perbelanjaan dilakukan dan perbelanjaan yang layak untuk tuntutan elaun modal yang berkaitan dengan pendapatan daripada transaksi dengan ahli:

Belanja pasti atau perbelanjaan yang dilakukan oleh kelab, persatuan atau institusi serupa dalam memperoleh pendapatan daripada transaksi dengan ahli tidak dibenarkan sebagai potongan dan hendaklah diabaikan untuk tujuan ACP. Perbelanjaan yang bukan merupakan potongan yang dibenarkan termasuklah kos operasi semata-mata untuk ahli, mengutip yuran langganan dan meningkatkan keahlian.

Perbelanjaan modal yang dilakukan atas aset yang digunakan dalam transaksi dengan ahli untuk memperoleh pendapatan hanya daripada ahli tidak layak untuk elaun modal; dan

- (c) belanja pasti atau perbelanjaan yang dilakukan dan elaun modal yang sama bagi pendapatan daripada transaksi dengan ahli dan bukan ahli:

Jika belanja pasti atau perbelanjaan dilakukan dalam memperoleh pendapatan daripada transaksi dengan ahli dan bukan ahli, potongan belanja pasti yang boleh diberi potongan adalah terhadap kepada bahagian yang berkaitan dengan bukan ahli sahaja. Prinsip yang sama terpakai kepada tuntutan elaun modal. Oleh itu, belanja pasti atau perbelanjaan dan elaun modal yang sama kepada pendapatan daripada transaksi dengan ahli dan bukan ahli perlu dibahagikan kepada:

- (i) belanja pasti atau perbelanjaan dan elaun modal yang berkaitan dengan pendapatan daripada transaksi dengan ahli; dan
- (ii) belanja pasti atau perbelanjaan dan elaun modal yang berkaitan dengan pendapatan daripada transaksi dengan bukan ahli.

Pada amnya, perbelanjaan am yang mungkin memerlukan pembahagian termasuk percetakan, belanja pos, alat tulis, telefon, elektrik, sewa dan caj bank.

Pembahagian perbelanjaan bersama untuk menentukan amaun belanja pasti atau perbelanjaan yang dibenarkan atau elaun modal yang diberikan kepada kelab, persatuan atau institusi serupa ditentukan dengan mengikut Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Berhubungan Dengan Transaksi Dengan Bukan Ahli Bagi Kelab, Persatuan Atau Institusi Serupa) 2011 [P.U.(A) 360/2011].

- 9.5 Penentuan belanja pasti atau perbelanjaan yang berkaitan dengan transaksi dengan bukan ahli:

Dalam menentukan pendapatan larasan sebuah kelab, persatuan atau institusi serupa yang berkaitan dengan transaksi dengan bukan ahli dalam tempoh asas untuk suatu tahun taksiran, amaun yang dibenarkan suatu potongan

berkenaan dengan belanja pasti atau perbelanjaan yang dilakukan oleh kelab, persatuan atau institusi serupa hendaklah ditentukan mengikut formula berikut:

$$A \quad X \quad \frac{B}{C}$$

Di mana,

- A - ialah amaun belanja pasti atau perbelanjaan yang dilakukan oleh kelab, persatuan atau institusi serupa dalam tempoh asas untuk suatu tahun taksiran;
- B - ialah pendapatan kasar daripada transaksi dengan bukan ahli kelab, persatuan atau institusi serupa dalam tempoh asas untuk suatu tahun taksiran; dan
- C - ialah pendapatan kasar daripada transaksi dengan ahli dan bukan ahli kelab, persatuan atau institusi serupa dalam tempoh asas untuk suatu tahun taksiran.

9.6 Penentuan elaun modal yang berkaitan dengan transaksi dengan bukan ahli:

Dalam menentukan pendapatan berkanun sebuah kelab, persatuan atau institusi serupa yang berkaitan dengan transaksi dengan bukan ahli dalam tempoh asas untuk suatu tahun taksiran, amaun elaun modal yang boleh dibenarkan ditolak daripada pendapatan larasan hendaklah ditentukan mengikut formula berikut:

$$D \quad X \quad \frac{E}{F}$$

Di mana,

- D - ialah elaun modal yang dibenarkan kepada kelab, persatuan atau institusi serupa dalam tempoh asas untuk suatu tahun taksiran;
- E - ialah pendapatan kasar daripada transaksi dengan bukan ahli kelab, persatuan atau institusi serupa dalam tempoh asas untuk suatu tahun taksiran; dan
- F - ialah pendapatan kasar daripada transaksi dengan ahli dan bukan ahli kelab, persatuan atau institusi serupa dalam tempoh asas untuk suatu tahun taksiran.

9.7 Penentuan pemberian wang yang berkaitan dengan transaksi dengan bukan ahli:

Jika kelab, persatuan atau institusi serupa bagi tempoh asas untuk suatu tahun taksiran, berhak mendapat potongan di bawah subseksyen 44(6) ACP, bahagian pemberian wang yang layak ditolak daripada pendapatan agregat yang berkaitan dengan transaksi dengan bukan ahli dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran itu hendaklah ditentukan mengikut formula berikut:

$$G \times \frac{H}{I}$$

Di mana,

- G - ialah pemberian wang yang dibuat oleh kelab, persatuan atau institusi serupa dalam tempoh asas untuk suatu tahun taksiran;
- H - ialah pendapatan agregat daripada transaksi dengan bukan ahli kelab, persatuan atau institusi serupa dalam tempoh asas untuk suatu tahun taksiran; dan
- I - ialah pendapatan agregat daripada transaksi dengan ahli dan bukan ahli kelab, persatuan atau institusi serupa dalam tempoh asas untuk suatu tahun taksiran;

Dengan syarat amaun yang ditolak hendaklah tidak boleh melebihi 7% daripada pendapatan agregat kelab, persatuan atau institusi serupa dalam tempoh asas untuk tahun taksiran itu.

- 9.8 Ilustrasi untuk menentukan cukai kena dibayar oleh kelab, persatuan atau institusi serupa:

**Contoh 5**

Sebuah kelab warga tua di Kuala Lumpur mempunyai akaun pendapatan dan perbelanjaan untuk tahun berakhir 31.12.2013 seperti berikut:

| Penerimaan   | RM     | Perbelanjaan                        | RM     |
|--|--------|-------------------------------------|--------|
| Yuran langganan ahli                                   | 20,000 | Penyelenggaraan kelab               | 6,000  |
| Yuran kemasukan ahli                                   | 8,000  | Majalah dan akhbar                  | 360    |
| Jualan tiket untuk majlis makan malam tahunan:<br>Ahli | 10,000 | Majlis makan malam tahunan:<br>Ahli | 12,000 |
| Bukan ahli   | 8,000  | Bukan ahli                          | 4,000  |
| Faedah simpanan tetap                                  | 8,000  | Susutnilai                          | 11,000 |
| Sewa daripada penyewaan ruang kelab                    | 21,000 | Bayaran pos dan alat tulis          | 1,800  |
|  |        | Lebihan                             | 39,840 |
| Jumlah   | 75,000 | Jumlah                              | 75,000 |

Pendapatan kasar yang dikenakan cukai dan tidak dikenakan cukai adalah seperti berikut:

| Penerimaan   | Penerimaan Kasar<br>Tidak Dikenakan Cukai<br>(Penerimaan Bersama)<br><br>RM | Penerimaan Kasar<br>Dikenakan Cukai<br>(Penerimaan Bukan<br>Bersama)<br><br>RM |
|--|---|--|
| Yuran langganan ahli   | 20,000  | -  |
| Yuran kemasukan  | 8,000   | -  |
| Majlis makan malam tahunan   | 10,000  | 8,000  |
| Pendapatan lain:<br>- Faedah simpanan tetap<br>- Sewa daripada penyewa | -   | 8,000<br>21,000  |
| Jumlah   | 38,000  | 37,000   |

Walaupun kelab itu tidak bertujuan untuk mencari keuntungan, pendapatan daripada transaksi dengan bukan ahli dianggap sebagai punca perniagaan. Kelab boleh dikenakan cukai atas penerimaan kasar yang diterima daripada bukan ahli.

**Pengiraan cukai kena dibayar bagi tahun taksiran 2013**

|   |                 |
|---|-----------------|
|   | RM              |
| Jualan tiket majlis makan malam tahunan kepada bukan ahli | 8,000           |
| Tolak: Perbelanjaan majlis makan malam tahunan bukan ahli | <u>4,000</u>    |
|   | 4,000           |
| Faedah  | 8,000           |
| Sewa  | <u>21,000</u>   |
| Pendapatan yang boleh dikenakan cukai                     | <u>33,000</u>   |
|   | RM              |
| Cukai ke atas RM20,000 pertama                            | 300.00          |
| Cukai atas RM13,000 berikut @ 6%                          | <u>780.00</u>   |
| Cukai yang kena dibayar                                   | <u>1,080.00</u> |

**Contoh 6**

Persatuan Seni Khat Cina di Malaysia mempunyai akaun pendapatan dan perbelanjaan untuk tahun berakhir 31.12.2013:

| Jumlah Penerimaan  | RM            | Jumlah Perbelanjaan  | RM            |
|--|---------------|--|---------------|
| Yuran langganan ahli   | 5,000         | Bayaran pos  | 300           |
| Faedah simpanan tetap  | 1,000         | Caj bank   | 120           |
| Majlis makan malam tahunan<br>Ahli – 8,000<br>Bukan ahli – 2,000 | 10,000        | Majlis makan malam tahunan<br>Ahli – 7,200<br>Bukan ahli – 1,800 | 9,000         |
| Jualan hasil seni khat   | 8,000         | Kos hasil seni khat  | 1,000         |
| Sewa daripada penyewa  | 65,000        | Utiliti dan cukai  | 2,400         |
| Yuran yang dikenakan atas bukan ahli untuk kelas seni khat       | 1,000         | Pembaikan  | 5,000         |
|  |               | Upah & gaji  | 24,000        |
|  |               | Fotostat   | 180           |
|  |               | Susutnilai   | 31,000        |
|  |               | Lebihan pendapatan atas perbelanjaan                             | 17,000        |
| <b>Jumlah</b>  | <b>90,000</b> | <b>Jumlah</b>  | <b>90,000</b> |



Persatuan Seni Khat Cina menyimpan akaun berasingan untuk pendapatan dan perbelanjaan berhubung dengan urusan dan komunikasi dengan ahli dan bukan ahli bagi tahun berakhir 31.12.2013. Butir-butir perbelanjaan adalah seperti berikut:

| Perbelanjaan               | Potongan Tidak Dibenarkan (Perbelanjaan Berkaitan Dengan Transaksi Bersama Dengan Ahli)<br>RM | Potongan Dibenarkan (Perbelanjaan Berkaitan Dengan Transaksi Bersama Dengan Bukan Ahli)<br>RM | Perbelanjaan Berkaitan Dengan Sewa<br>RM |
|----------------------------|---|---|--|
| Bayaran pos                | 240   | 60  | -  |
| Caj bank                   | 100   | 20  | -  |
| Majlis makan malam tahunan | 7,200   | 1,800   | -  |
| Fotostat                   | 144   | 36  | -  |
| Utiliti dan cukai          | 2,100   | 300   | -  |
| Pembaikan                  | -   | -   | 5,000                                    |
| Upah dan gaji              | 23,500  | 500   |  |
| Jumlah                     | 33,284  | 2,716   | 5,000                                    |

Pendapatan kasar yang dikenakan cukai dan tidak dikenakan cukai adalah seperti berikut:

| Penerimaan   | Penerimaan Tidak Dikenakan Cukai (Penerimaan Bersama)<br>RM | Penerimaan Dikenakan Cukai (Penerimaan Bukan Bersama)<br>RM |
|--|---|---|
| Yuran langganan ahli   | 5,000   | -   |
| Majlis makan malam tahunan   | 8,000   | 2,000   |
| Jualan hasil seni khat   | -   | 8,000   |
| Yuran dikenakan ke atas bukan ahli untuk kelas seni khat               | -   | 1,000   |
| Pendapatan lain:<br>- Faedah simpanan tetap<br>- Sewa daripada penyewa | -   | 1,000<br>65,000   |
| Jumlah   | 13,000  | 77,000  |

**Pengiraan cukai yang kena dibayar bagi tahun taksiran 2013**

|  |                 |               |
|--|-----------------|---------------|
|  |                 | RM            |
| Jualan tiket majlis makan malam tahunan kepada bukan ahli  |                 | 2,000         |
| Jualan hasil seni khat kepada bukan ahli                   |                 | 8,000         |
| Fi yang dikenakan atas bukan ahli                          |                 | <u>1,000</u>  |
|  |                 | 11,000        |
| Tolak: Perbelanjaan dibenarkan                             |                 | <u>2,716</u>  |
| Pendapatan larasan   |                 | 8,284         |
| Pendapatan lain –<br>Faedah                                |                 | 1,000         |
| Sewa   | 65,000          |               |
| Tolak: Perbelanjaan  | <u>5,000</u>    | <u>60,000</u> |
| Pendapatan agregat / Pendapatan yang boleh dikenakan cukai |                 | <u>69,284</u> |
|  | RM              |               |
| Cukai atas RM50,000 pertama                                | 2,850.00        |               |
| Cukai atas RM19,284 berikut @ 19%                          | <u>3,663.96</u> |               |
| Cukai yang kena dibayar                                    | <u>6,513.96</u> |               |

**Contoh 7**

Sebuah kelab sukan mempunyai akaun pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun berakhir 31.12.2013 seperti berikut:

| Jumlah Penerimaan              | RM      | Jumlah Perbelanjaan                | RM      |
|--------------------------------|---------|------------------------------------|---------|
| Yuran langganan ahli           | 180,000 | Sewa dewan untuk seminar           | 80,000  |
| Yuran seminar untuk bukan ahli | 60,000  | Upah dan gaji                      | 250,000 |
| Faedah simpanan tetap          | 300,000 | Pentadbiran dan alat tulis         | 15,000  |
|                                |         | Pengangkutan untuk pekerja         | 15,000  |
|                                |         | Lebih pendapatan atas perbelanjaan | 180,000 |
| Jumlah                         | 540,000 | Jumlah                             | 540,000 |

Rekod perbelanjaan kelab sukan berhubung transaksi dengan ahli dan bukan ahli bagi tahun berakhir 31.12.2013 adalah seperti berikut:

| Perbelanjaan               | Potongan Tidak Dibenarkan (Perbelanjaan Berkaitan Dengan Transaksi Bersama Dengan Ahli)<br>RM | Potongan Dibenarkan (Perbelanjaan Berkaitan Dengan Transaksi Bersama Dengan Bukan Ahli)<br>RM | Perbelanjaan Am Kepada Pendapatan Daripada Transaksi Dengan Ahli Dan Bukan Ahli<br>RM |
|----------------------------|---|---|---|
| Upah dan gaji              | -   | -   | 250,000   |
| Sewaan dewan untuk seminar | -   | 80,000  | -   |
| Pentadbiran dan alat tulis | -   | -   | 15,000  |
| Pengangkutan untuk pekerja | -   | -   | 15,000  |
| Jumlah                     | -   | 80,000  | 280,000   |

Penerimaan kasar yang dikenakan cukai dan tidak dikenakan cukai adalah seperti berikut:

| Penerimaan            | Penerimaan Tidak Dikenakan Cukai (Penerimaan Bersama)<br>RM | Penerimaan Dikenakan Cukai (Penerimaan Bukan Bersama)<br>RM |
|-----------------------|---|---|
| Yuran langganan ahli  | 180,000   | -   |
| Yuran seminar         | -   | 60,000  |
| Faedah simpanan tetap | -   | 300,000   |
| Jumlah                | 180,000   | 360,000   |

**Pengiraan cukai kena dibayar bagi tahun taksiran 2013**

|   | RM               | RM             |
|---|------------------|----------------|
| Yuran seminar   | 60,000           |                |
| Tolak:  |                  |                |
| Sewa dewan  | 80,000           |                |
| Perbelanjaan gunasama <sup>1</sup>                        | <u>70,000</u>    | <u>150,000</u> |
| Kerugian larasan perniagaan                               |                  | (90,000)       |
| Pendapatan larasan  |                  | TIADA          |
| Pendapatan lain:  |                  |                |
| Faedah  |                  | <u>300,000</u> |
| Pendapatan agregat  |                  | 300,000        |
| Tolak: Rugi tahun semasa                                  |                  | <u>90,000</u>  |
| Jumlah pendapatan / Pendapatan yang boleh dikenakan cukai |                  | <u>210,000</u> |
|   | RM               |                |
| Cukai atas RM100,000 pertama                              | 13,850.00        |                |
| Cukai atas RM110,000 berikut @ 26%                        | <u>28,600.00</u> |                |
| Cukai yang kena dibayar                                   | <u>42,450.00</u> |                |

**<sup>1</sup>Pembahagian perbelanjaan gunasama**

(rujuk kepada perenggan 9.5 untuk formula)

$$280,000 \quad X \quad \frac{60,000}{240,000 (180,000 + 60,000)} = 70,000$$

**Contoh 8**

Fakta adalah sama seperti di Contoh 7 kecuali transaksi dengan bukan ahli berjumlah RM100,000 dan elaun modal yang dituntut oleh kelab bagi tahun berakhir 31.12.2013 adalah RM12,000. Kelab juga telah memberi wang berjumlah RM10,000 kepada institusi yang diluluskan di bawah subseksyen 44(6) ACP.

Penerimaan kasar yang dikenakan cukai dan tidak dikenakan cukai adalah seperti berikut:

| Penerimaan                  | Penerimaan Tidak Dikenakan Cukai (Penerimaan Bersama) RM | Penerimaan Dikenakan Cukai (Penerimaan Bukan Bersama) RM |
|-----------------------------|--|--|
| Yuran langganan ahli        | 180,000  | -  |
| Yuran seminar               | -  | 60,000   |
| Transaksi dengan bukan ahli | -  | 100,000  |
| Faedah simpanan tetap       | -  | 300,000  |
| Jumlah                      | 180,000  | 460,000  |

**Pengiraan cukai kena dibayar bagi tahun taksiran 2013**

|  |                  |                 |
|--|------------------|-----------------|
|  | RM               | RM              |
| Transaksi dengan bukan ahli                                      | 100,000          |                 |
| Yuran seminar  | <u>60,000</u>    |                 |
|  | 160,000          |                 |
| Tolak:   |                  |                 |
| Sewa dewan   | 80,000           |                 |
| Perbelanjaan gunasama <sup>2</sup>                               | <u>131,765</u>   |                 |
| Kerugian larasan perniagaan                                      |                  | <u>(51,765)</u> |
| Pendapatan larasan   |                  | TIADA           |
| Tolak:   |                  |                 |
| Elaun modal - 5,647 <sup>3</sup><br>(Elaun modal dih/h 5,647)    |                  | TIADA           |
| Pendapatan berkanun  |                  | TIADA           |
| Pendapatan lain: Faedah  |                  | <u>300,000</u>  |
| Pendapatan agregat <sup>4</sup>                                  |                  | <u>300,000</u>  |
| Tolak: Rugi tahun semasa   |                  | <u>51,765</u>   |
|  |                  | 248,235         |
| Tolak: Derma <sup>5</sup> (tidak melebihi 7% pendapatan agregat) |                  | <u>8,621</u>    |
| Jumlah pendapatan / Pendapatan yang boleh dikenakan cukai        |                  | <u>239,614</u>  |
|  | RM               |                 |
| Cukai atas RM100,000 pertama                                     | 13,850.00        |                 |
| Cukai Atas RM139,614 berikut @ 26%                               | <u>36,299.64</u> |                 |
| Cukai yang kena dibayar  | <u>50,149.64</u> |                 |

**<sup>2</sup>Pembahagian perbelanjaan gunasama**

**Bahagian ahli**

$$280,000 \quad X \quad \frac{180,000}{340,000 (180,000 + 60,000 + 100,000)} = 148,235$$

**Bahagian bukan ahli**

$$280,000 \quad X \quad \frac{160,000 (60,000 + 100,000)}{340,000 (180,000 + 60,000 + 100,000)} = 131,765$$

**<sup>3</sup>Pembahagian elaun modal yang berkaitan dengan transaksi dengan bukan ahli**

(rujuk kepada perenggan 9.6 untuk formula)

**Bahagian ahli**

$$12,000 \quad X \quad \frac{180,000}{340,000} = 6,353$$

**Bahagian bukan ahli**

$$12,000 \quad X \quad \frac{160,000}{340,000} = 5,647$$

**<sup>5</sup>Pembahagian pemberian wang yang berkaitan dengan transaksi dengan bukan ahli**

(rujuk kepada perenggan 9.7 untuk formula)

$$10,000 \quad X \quad \frac{300,000^4}{348,000^6} = 8,621$$

**<sup>6</sup>Pengiraan pendapatan agregat bagi transaksi dengan ahli dan bukan ahli bagi tahun taksiran 2013**

|  | RM             |
|--|----------------|
| Yuran langganan ahli, fi seminar dan transaksi dengan bukan ahli | 340,000        |
| Tolak: Perbelanjaan gunasama                                     | <u>280,000</u> |
| Pendapatan larasan   | 60,000         |
| Tolak: Elaun modal   | <u>12,000</u>  |
| Pendapatan berkanun  | 48,000         |
| Tambah: Pendapatan faedah  | <u>300,000</u> |
| Pendapatan agregat   | <u>348,000</u> |

### 9.9 Kerugian

Kerugian yang timbul daripada transaksi sesama ahli tidak boleh ditolak daripada pendapatan yang diperolehi daripada transaksi dengan bukan ahli. Oleh kerana pendapatan daripada transaksi sesama ahli tidak akan diambil kira bagi tujuan percukaian di bawah ACP, kerugian yang timbul daripada transaksi sesama ahli juga tidak akan diambil kira bagi tujuan pengiraan cukai di bawah ACP.

#### Contoh 9

Akaun pendapatan dan perbelanjaan sesuatu kelab bagi tahun berakhir 31.12.2013 menunjukkan bahawa perbelanjaan melebihi penerimaan daripada transaksi sesama ahli yang menyebabkan kerugian kepada ahli berjumlah RM5,000. Sebaliknya, penerimaan melebihi perbelanjaan daripada transaksi dengan bukan ahli yang menyebabkan terdapat lebihan RM3,000. Kelab sebenarnya mengalami kerugian bersih berjumlah RM2,000.

Kelab dikenakan cukai atas pendapatan daripada transaksi dengan bukan ahli berjumlah RM3,000 bagi tahun taksiran 2013. Kerugian yang timbul daripada transaksi sesama ahli tidak boleh ditolak daripada pendapatan yang diperolehi daripada transaksi dengan bukan ahli. Kerugian tersebut hendaklah diabaikan untuk tujuan ACP.

#### Contoh 10

Fakta adalah sama seperti di Contoh 9 kecuali perbelanjaan melebihi penerimaan daripada transaksi dengan bukan ahli yang menyebabkan kerugian sebanyak RM1,000.

Kerugian RM1,000 yang timbul daripada transaksi dengan bukan ahli dalam tahun taksiran 2013 dihantar ke hadapan ke tahun taksiran selanjutnya untuk ditolak daripada punca pendapatan yang sama (transaksi dengan bukan ahli).



#### 10. Kadar Cukai

Pendapatan kelab, persatuan atau institusi serupa yang boleh dikenakan cukai pada kadar skala yang terpakai untuk individu seperti dalam Perenggan 1, Bahagian 1, Jadual 1 ACP. Kelab, persatuan atau institusi serupa tidak layak untuk pelepasan diri yang terpakai untuk individu apabila mengira pendapatan bercukai.

#### 11. Penyimpanan Rekod

Semua kelab, persatuan atau institusi serupa dikehendaki menyimpan rekod berasingan berhubung pendapatan yang diperolehi daripada transaksi dengan ahli dan bukan ahli. Rekod yang membezakan antara aktiviti ahli dan bukan ahli perlu disimpan jika kelab, persatuan atau institusi serupa tidak mempunyai batas transaksi apabila berurusan dengan bukan ahli.

##### Contoh 11

Sebuah persatuan bola sepak telah membeli lencana untuk ahlinya dan pin promosi untuk bukan ahli daripada pembekal yang sama sebagai sebahagian usaha untuk mengutip dana. Item yang telah dibeli dimasukkan dalam satu invois.

Persatuan bola sepak perlu mengasingkan kos yang dilakukan dalam pembelian item untuk ahli dan bukan ahli dalam rekod persatuan.

#### 12. Pengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan

Kelab, persatuan atau institusi serupa dikehendaki mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) iaitu Borang TF untuk setiap tahun taksiran. BNCP hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri dalam tahun berikutan tahun taksiran itu seperti berikut:

| Punca Pendapatan            | Tarikh Pengemukakan BNCP |
|-----------------------------|--------------------------|
| Pendapatan bukan perniagaan | 30 April                 |
| Pendapatan perniagaan       | 30 Jun                   |

#### 13. Persamaan Dan Perbezaan Di Antara Kelab, Persatuan Atau Institusi Serupa Dan Persatuan Perdagangan

Persamaan dan perbezaan ketara di antara kelab, persatuan atau institusi serupa dan persatuan perdagangan adalah seperti berikut:

| <b>Perkara</b>                   | <b>Kelab, Persatuan Atau Institusi Serupa</b>  | <b>Persatuan Perdagangan</b>   |
|----------------------------------|--|--|
| Pendaftaran                      | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Akta Pertubuhan 1966, atau</li> <li>• Akta Syarikat 1965 sebagai syarikat berhad menurut jaminan</li> </ul>   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Akta Pertubuhan 1966, atau</li> <li>• Akta Syarikat 1965 sebagai syarikat berhad menurut jaminan</li> </ul>   |
| Objektif                         | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kelab, persatuan atau institusi serupa yang bukan bermotif untung ditubuhkan untuk tujuan sosial, rekreasi dan riadah untuk kepentingan dan manfaat ahli</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Melindungi dan menggalakkan perniagaan ahli (pedagang dan peniaga), atau</li> <li>• Mengembangkan dan memajukan profesion ahli (profesional)</li> </ul> |
| Penubuhan dan Kawalan            | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ditubuhkan oleh ahli dan dikawal melalui jawatankuasa yang dilantik</li> </ul>  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ditubuhkan oleh ahli dan dikawal melalui jawatankuasa yang dilantik</li> </ul>  |
| Ahli                             | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ahli berhak mengundi di mesyuarat am di mana kawalan efektif dilaksanakan ke atas kelab, persatuan atau institusi serupa</li> </ul>                                 | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ahli berhak mengundi di mesyuarat am di mana kawalan efektif dilaksanakan ke atas persatuan perdagangan</li> </ul>                                      |
| Peruntukan Cukai Pendapatan      | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Seksyen 53A ACP</li> </ul>  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Seksyen 53 ACP</li> </ul>   |
| Pendapatan dikenakan cukai       | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pendapatan yang terbit daripada aktiviti dan transaksi dengan bukan ahli</li> </ul>   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Apa-apa amaun diterima atas akaun hasil termasuk fi kemasukan dan langganan ahli</li> </ul>   |
| Pendapatan tidak dikenakan cukai | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pendapatan yang terbit daripada transaksi bersama ahli termasuk fi kemasukan dan langganan ahli</li> </ul>  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pendapatan berkanun yang diperolehi daripada fi langganan ahli persatuan perdagangan yang bermastautin adalah dikecualikan</li> </ul>                   |

| Perkara | Kelab, Persatuan Atau Institusi Serupa | Persatuan Perdagangan  |
|---------|--|--|
|         |  | cukai [Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian)(No.19) 2005, P.U.(A) 190/2005] |

14. Kemaskinian Dan Pindaan

|  |   |   |
|--|---|---|
| <p>KU ini mengganti KU No. 5/2012 bertarih 25 Jun 2012.</p>  | <b>Pindaan</b>  |   |
|  | Kandungan KU ini adalah hampir sama dengan KU yang lama dengan perenggan baharu berikut dimasukkan: |   |
|  | <b>Perenggan</b>  | <b>Penerangan</b>   |
|  | 6   | Asas taksiran   |
|  | 7   | Taraf mastautin   |
|  | 9.3(d)  | Kelab, persatuan atau institusi serupa yang bukan institusi amal/khairat yang diluluskan                    |
|  | 9.3(e)  | Kelab, persatuan atau institusi serupa yang merupakan institusi amal/khairat yang diluluskan                |
|  | 12  | Tarikh ditetapkan untuk pengemukaan Borang Nyata Cukai Pendapatan (menggantikan perenggan 10 dalam KU lama) |
| 13   | Persamaan dan perbezaan di antara kelab, persatuan atau institusi serupa dan persatuan perdagangan  |   |
| <p>Contoh 2 (baharu) telah dimasukkan untuk penerangan lanjut dan Contoh 8 menggantikan Contoh 7 dalam KU lama</p> |   |   |

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**